



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

LEBIH 59,000 BEKAS PELAJAR TAJAAN JPA LAYAK MEMOHON OPSYEN PBU AKADEMIK FASA KEDUA

PUTRAJAYA, 1 JULAI 2026 – Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) membuka permohonan **Opsyen Pinjaman Boleh Ubah Berasaskan Merit Akademik (PBU Akademik) Fasa Kedua** mulai **1 Julai hingga 31 Ogos 2026**, melibatkan lebih **59,000 bekas pelajar tajaan JPA** yang menamatkan pengajian pada atau sebelum 31 Disember 2024.

PBU Akademik merupakan model penajaan baharu JPA yang diperkenalkan pada **1 Jun 2025** bagi menentukan kadar bayaran balik pinjaman berdasarkan pencapaian akademik pelajar. Model ini memperkenalkan pendekatan baharu yang beralih daripada penentuan bayaran balik berdasarkan tempat berkhidmat kepada pencapaian akademik pelajar.

Sehingga kini, lebih **11,000 pelajar baharu** telah menerima penajaan di bawah model PBU Akademik. Selain itu, lebih **23,000 pelajar sedia ada** di bawah model Pinjaman Boleh Ubah Berasaskan Merit Tempat Berkhidmat (PBU 2016) telah menyertai Opsyen Fasa Pertama yang dilaksanakan dari Januari hingga Mac 2026.

Pelaksanaan Fasa Kedua ini memperluaskan manfaat PBU Akademik kepada lebih ramai bekas pelajar tajaan JPA yang memenuhi syarat kelayakan.

Pelajar yang layak memohon ialah mereka yang **menamatkan pengajian pada atau sebelum 31 Disember 2024**, tidak mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman atau Elaun Terlebi Bayar (ETB), serta masih berada dalam tempoh ikatan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) atau syarikat swasta.

Bagi pelajar yang masih mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman atau ETB, permohonan boleh dikemukakan selepas semua tunggakan diselesaikan.

Opsyen ini tidak ditawarkan kepada pelajar yang ditamatkan penajaan kerana melanggar syarat Perjanjian PBU 2016, telah menyelesaikan sepenuhnya bayaran balik pinjaman atau ikatan kontrak berkhidmat di bawah PBU 2016, atau gagal melengkapkan penajaan berpakej sehingga setaraf Ijazah Pertama.

Pelajar yang layak perlu mengemas kini maklumat perhubungan melalui Portal **Malaysian Student Engagement Online Feed (MySELF)** sebelum mengemukakan permohonan dalam tempoh yang ditetapkan. Dokumen perjanjian hendaklah ditandatangani secara dalam talian melalui sistem **ePROMISE**, diikuti bayaran duti setem menerusi sistem **MyTAX LHDNM** dalam tempoh **30 hari** selepas dokumen perjanjian ditandatangani.

Sebarang bayaran balik pinjaman PBU 2016 yang telah dibuat sebelum pelaksanaan opsyen ini tidak akan dipulangkan.

Bekas pelajar tajaan JPA yang memenuhi syarat kelayakan disarankan menyemak status masing-masing serta mengemukakan permohonan melalui Portal **MySELF** dalam tempoh yang ditetapkan.

SEMAK KELAYAKAN DAN MAKLUMAT LANJUT

Bekas pelajar tajaan JPA yang ingin menyemak kelayakan atau mendapatkan maklumat lanjut mengenai **Opsyen Pinjaman Boleh Ubah Berasaskan Merit Akademik (PBU Akademik) Fasa Kedua** boleh menghubungi:

Portal Penajaan JPA

<https://penajaan.jpa.gov.my>

E-mel

pbuakademik@jpa.gov.my

Pusat Panggilan MyGCC

03-8000 8000

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 1 Julai 2026
E-mel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.3 (47)